

**GARISPANDUAN SESSI TEMUDUGA JAWATANKUASA PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**

- 1.0 Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan sekiranya perlu boleh mengadakan satu sesi temuduga di bawah perkara berikut :
 - 1.1 Firma Juruukur Bahan Perunding :
 - a) Permohonan Pendaftaran Firma Juruukur Bahan Perunding
 - b) Permohonan Pendaftaran Firma Juruukur Bahan Perunding Pelbagai Disiplin (MDP)
 - c) Permohonan Pertukaran Status Firma Juruukur Bahan Perunding
 - d) Permohonan perubahan struktur Firma Juruukur Bahan Perunding
 - e) Pemasukan semula pendaftaran Firma Juruukur Bahan Perunding (sekiranya difikirkan perlu oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia atau Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan)
 - 1.2 Juruukur Bahan Berdaftar :
 - a) Pemasukan semula pendaftaran Juruukur Bahan Berdaftar (sekiranya difikirkan perlu oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia atau Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan)
 - 1.3 Juruukur Bahan Berdaftar (temuduga oleh jawatankuasa kecil)
 - a) Permohonan Pendaftaran Juruukur Bahan Berdaftar melalui Laluan Alternatif.
 - b) Permohonan Pendaftaran Juruukur Bahan Berdaftar melalui Laluan Khas.
 - 1.4 Kesemua kategori pendaftaran di mana Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan boleh menentukan sama ada satu sesi temuduga perlu diadakan.
 - 1.5 Kesemua kategori pendaftaran sekiranya diarahkan oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.
- 2.0 Tujuan temuduga
Temuduga diadakan bertujuan untuk menentukan sama ada pemohon tersebut adalah sesuai dan layak untuk :
 - 2.1 menjadi prinsipal / rakankongsi / pengarah firma Juruukur Bahan Perunding.
 - 2.2 didaftarkan semula sebagai Firma Juruukur Bahan Perunding / Juruukur Bahan Berdaftar bagi pembatalan pendaftaran melebihi 3 tahun.
 - 2.3 didaftarkan sebagai Juruukur Bahan Berdaftar melalui Laluan Alternatif
 - 2.4 didaftarkan sebagai Juruukur Bahan Berdaftar melalui Laluan Khas.
 - 2.5 hal-hal lain yang ditetapkan oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.

- 3.0 Mereka yang diwajibkan untuk menghadiri sesi temuduga :
- 3.1 Permohonan Pendaftaran Firma Juruukur Bahan Perunding - semua pengarah / rakankongsi / prinsipal.
 - 3.2 Permohonan Pendaftaran Firma Juruukur Bahan Perunding Pelbagai Disiplin (MDP) – semua pengarah Juruukur Bahan.
 - 3.3 Permohonan Pertukaran Status Firma Juruukur Bahan Perunding - semua pengarah / rakankongsi / prinsipal.
 - 3.4 Permohonan perubahan struktur Firma Juruukur Bahan Perunding - pengarah baru yang ingin dilantik dan sekurang-kurangnya salah seorang daripada pengarah sedia ada.
 - 3.5 Pemasukan semula pendaftaran Firma Juruukur Bahan Perunding - semua pengarah / rakankongsi / prinsipal.
 - 3.6 Temuduga bagi semua kategori permohonan pendaftaran Juruukur Bahan Berdaftar perlu dihadiri sendiri oleh calon terbabit.

4.0 Syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi mengadakan sesi temuduga :

- 4.1 Dokumen permohonan
Sekretariat perlu memastikan dokumen permohonan telah dilengkapkan dan pemohon telah memenuhi kesemua keperluan pendaftaran seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Juruukur Bahan 1967, Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (pindaan) 2004 dan Garispanduan Pendaftaran.
- 4.2 Notis
Satu notis menghadiri temuduga perlu dikeluarkan kepada calon dalam tempoh masa tiga (3) hari sebelum tarikh temuduga atau kurang daripada tiga (3) hari dengan persetujuan daripada calon yang ditemuduga. Calon dikehendaki mengesahkan kehadiran mereka secara bertulis sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum tarikh temuduga.
- 4.3 Ketepatan Masa
Calon yang ditemuduga perlu berada di lokasi temuduga pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Sekiranya gagal, calon seterusnya akan dipanggil dan calon tersebut akan ditemuduga kemudian mengikut budi bicara Jawatankuasa.
- 4.4 Etika Berpakaian
 - a) Ahli Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan dan Sekretariat Lembaga :
 - i) Lelaki : Berpakaian formal pejabat, berblazer dan bertali leher LJBK.
 - ii) Wanita : Berpakaian formal pejabat, sopan dan berblazer.

- b) Calon yang ditemuduga :
- i) Lelaki : Berpakaian formal pejabat dan digalakkan bertali leher LJBM.
 - ii) Wanita : Berpakaian formal pejabat dan sopan.

- 5.0. Semua kos bagi menghadiri temuduga perlu ditanggung oleh calon sendiri.
- 6.0. Semua calon dikehendaki membawa dokumen-dokumen berkaitan sekiranya ada seperti yang ditetapkan oleh jawatankuasa.
- 7.0. Keperluan-keperluan di atas adalah berkuatkuasa serta-merta.